

**PENGUMUMAN:**

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**Pelaksanaan Semakan Tambahan (*Second Validation*) Pembayaran Emolumen Pegawai Awam**

Adalah dimaklumkan, semakan tambahan (*second validation*) ke atas pembayaran emolumen pegawai awam akan dilaksanakan pada suku pertama 2023 bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan akauntabiliti pembayaran Kerajaan.

Sehubungan itu YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, perlu memastikan maklumat **Nombor Kad Pengenalan dan nombor akaun bank** di dalam sistem iGFMAS adalah **SAMA** dengan maklumat di sistem bank.

**Perbezaan maklumat** antara sistem iGFMAS dan sistem bank akan menyebabkan **pembayaran gaji pegawai tidak berjaya**.

Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dipohon untuk menyemak dan mengemas kini maklumat Nombor Kad Pengenalan dan nombor akaun bank (jika perlu) di dalam sistem iGFMAS atau sistem bank.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**